

PENERAPAN DAN PEMERKASAAN NILAI MURNI DALAM KALANGAN BELIA

JAMILAH AHMAD & NUR NASLIZA ARINA MOHAMAD NASIR

ABSTRAK

Dalam merealisasikan TN50, terdapat tujuh (7) bidang yang menjadi fokus utama TN50 dan salah satu daripadanya adalah nilai murni. Hal ini jelas menunjukkan bahawa nilai murni merupakan satu perkara yang dipandang serius oleh pihak kerajaan dalam membentuk negara Malaysia yang bukan sahaja berjaya dari segi pembangunan material tetapi juga memiliki rakyat yang mempunyai moral yang tinggi. Penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat menjadi agenda utama kerajaan terutamanya kepada golongan belia kerana mereka adalah modal insan harapan yang akan memimpin negara di masa hadapan. Sejarah juga telah membuktikan bahawa, banyak empayar atau negara yang maju telah runtuh lantaran generasi yang mewarisinya gagal menjaga ketamadunan yang dicapai kerana mereka mempunyai moral yang rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji Identiti Nasional Belia Malaysia ke arah 2050 dari sudut penerapan dan pemerkasaan nilai murni dalam kalangan belia menuju mentaliti kelas pertama. Kajian ini menggunakan pendekatan mix method iaitu dengan menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam mendapatkan data yang dikehendaki. Kaedah kuantitatif yang digunakan adalah tinjauan soal selidik manakala kaedah kualitatif yang digunakan adalah temu bual kumpulan fokus. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah merupakan belia yang berumur dalam lingkungan 15 – 30 tahun yang menetap di lima zon di Malaysia, iaitu Zon Utara, Selatan, Timur, Tengah dan SQL. Hasil kajian mendapati, terdapat empat Identiti Nasional Belia Malaysia yang perlu dibentuk dan dimantapkan dalam usaha melahirkan belia Malaysia yang memiliki mentaliti kelas pertama, iaitu (1) empati; (2) progresif (3); integriti; serta (4) ihsan. Manakala, dari sudut penerapan dan pemerkasaan nilai murni, hasil kajian mendapati, terdapat sembilan (9) pendekatan terbaik yang boleh digunakan untuk menerapkan dan memperkasakan nilai murni dalam kalangan belia di Malaysia. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan, terdapat enam (6) medium komunikasi terbaik yang boleh digunakan dalam memastikan mesej dan maklumat nilai murni dapat disampaikan kepada golongan belia dengan efektif dan berkesan.

Kata Kunci: identiti nasional, belia, penerapan, pemerkasaan, nilai murni

ABSTRACT

In realizing TN50, there are seven (7) areas that become the main focus of TN50. One of it is moral values. This clearly shows that moral values is one of the aspects that are seriously considered by the government in developing Malaysia which is not only successful in terms of material development, but also with citizens with high moral. The inculcation of moral values to citizens becomes the main agenda

for the government, especially for youths as they are the role model who will lead the country in the future. History has also proven that many empires or developed countries have fallen due to the failure of the successors to maintain the civilization achieved as they possess low moral. This study aims to study Malaysian Youths National Identity towards 2050 in the aspect of inculcation and enrichment of moral values among youths towards first class mentality. This study uses mixed-method approach which combines quantitative and qualitative approaches to obtain required data. The quantitative method that was used is survey questionnaire while the qualitative method used is focused group interview. The respondents are youths in the age range of 15 – 30 years old who resides in five zones in Malaysia, which are North, South, East, Middle and SQL. The findings show that there are four Malaysian Youths National Identity that need to be developed and strengthened in the attempts of creating Malaysian youths with first class mentality which are (1) empathy; (2) progressive (3); integrity; and (4) compassion. Meanwhile, from the inculcation and enrichment point of view, the findings show that there are nine (9) best approaches that could be used to inculcate and enrich moral values among youths in Malaysia. Besides that, the findings also show that there are six (6) best communication media that could be used to ensure messages and moral values information could be spread to youths effectively and efficiently.

Keywords: national identity, youths, inculcation, enrichment, moral values

PENGENALAN

Dalam keghairahan Malaysia menuju ke arah negara maju, terdapat banyak nilai murni yang semakin terhakis yang boleh mengancam keharmonian masa depan masyarakat dan negara. Maka, dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berjaya, pelbagai perkara perlu dititiberatkan seperti pencapaian ilmu, sains dan teknologi, rakyat yang hidup bersatu-padu, aman, makmur dan bahagia, namun dalam pada masa sama semestinya mengekalkan nilai-nilai murni bersama yang menjadi teras jati diri utama rakyat Malaysia. Dengan itu, adalah penting untuk memastikan nilai-nilai murni khususnya nilai hormat menghormati sentiasa dijaga dalam memastikan sensitiviti agama, budaya dan kepelbagaiannya cara hidup yang ada di Malaysia akan sentiasa terpelihara (Mohamad Abdullah, 2016).

Pengamalan nilai murni dan amalan budi bahasa bukan sahaja penting dalam masyarakat Melayu, malahan semua masyarakat sememangnya mengajarkan cara hidup yang baik. Tujuan mengamalkan nilai murni dan cara hidup berbudi bahasa adalah untuk mewujudkan suasana aman, harmoni, kerjasama, hormat-menghormati, kasih sayang dan kesejahteraan. Tidak ada gunanya jika masyarakat Malaysia kaya dari segi kebendaan tapi muflis dari segi keperibadian. Di samping itu, Malaysia akan dianggap sebagai sebuah negara yang bertamadun jika masyarakatnya terdiri daripada insan yang mengamalkan budaya murni dalam kehidupan

(Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008; Jabatan Penerangan Malaysia, 2017).

Golongan belia merupakan aset yang amat penting kepada negara kerana belia hari ini akan menentukan hala tuju negara pada masa akan datang (Berita Harian, 2015). Golongan belia sering diberikan penekanan dan perhatian yang khusus oleh kerajaan dengan mengadakan pelbagai program dan aktiviti dalam usaha melahirkan golongan belia yang mempunyai kualiti kepimpinan yang baik di samping melengkapkan mereka dengan kemahiran, keusahawanan dan pengetahuan (Kameri, 2015). Pelbagai inisiatif pembangunan belia juga telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk menghargai dan menyerlahkan potensi golongan belia di samping sentiasa berusaha untuk memantapkan kualiti belia Malaysia dalam pelbagai aspek (Berita Harian, 2015).

Namun, golongan belia pada masa kini sering dikaitkan dengan pelbagai perilaku negatif seperti salah laku jenayah serta sikap dan amalan yang bertentangan dengan nilai murni dan budi bahasa masyarakat Malaysia. Dari segi penglibatan golongan belia dengan salah laku jenayah, hal ini dapat dilihat apabila senario masa kini yang menunjukkan kadar jenayah yang semakin meningkat dalam kalangan belia telah mencetuskan kebimbangan semua pihak. Saban hari kita dihidangkan dengan pelbagai berita jenayah sama ada jenayah jalanan, kekerasan atau jenayah yang melibatkan harta benda (Lee Lam Thye, 2016). Di antara jenayah yang banyak dilakukan oleh golongan belia adalah melibatkan penyalahgunaan dadah, salahlaku seksual, rasuah, samun, pecah rumah serta mencuri (Ramli Din, 2016; Mustafar Ali, 2016).

Manakala, perilaku negatif golongan belia dari sudut sikap dan amalan yang bertentangan dengan nilai murni dan budi bahasa masyarakat Malaysia dapat dilihat apabila golongan ini kurang bijak dalam menzahirkan rasa hormat kepada golongan yang lebih berusia sehingga perlaku yang mereka anggap sopan sebenarnya tidak mencerminkan sikap yang sebenar (Abdul Razak, 2014). Di samping itu, menurut Lee Lam Thye (2016), nilai murni dan budi bahasa tidak lagi menjadi perkara penting yang diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat Malaysia pada masa kini terutamanya oleh golongan belia. Beliau menjelaskan, budi bahasa dan nilai murni di Malaysia telah merosot di mana pada ketika ekonomi negara semakin maju di samping kehidupan masyarakat semakin mewah, namun, budi bahasa, nilai-nilai murni dan etika seolah-olah diabaikan. Hal ini dapat dilihat apabila bahasa bersulam, berlapik dan bersopan dianggap ketinggalan zaman di samping ucapan salam, terima kasih, selamat pagi, boleh saya bantu encik, makcik dan puan, jarang didengari di bibir masyarakat hari ini, khususnya oleh golongan belia sekarang (Lee Lam Thye, 2016; Abdul Razak, 2014; Hariyati, 2013).

Melihat akan bertapa pentingnya penerapan dan pemerkasaan nilai murni ke atas masyarakat Malaysia terutamanya kepada golongan belia kerana mereka adalah generasi pemimpin yang akan memacu dan mencorakkan masa depan negara, maka penyelidikan ini adalah sangat penting untuk dijalankan. Hal ini kerana, penyelidikan ini akan dapat membantu pihak berwajib dalam mempersiapkan dan membentuk Identiti Nasional Belia Malaysia ke arah 2050 dari sudut penerapan dan pemerkasaan nilai murni dalam kalangan belia menuju mentaliti kelas pertama. Secara khususnya, kajian ini mempunyai enam objektif iaitu (1) untuk memahami nilai murni yang ada pada diri belia malaysia pada masa kini; (2) untuk mengenal pasti nilai-nilai murni yang perlu ada dalam diri belia ke arah menjadi golongan mentaliti kelas pertama; (3) untuk mengkaji faktor-faktor yang boleh memupuk dan meningkatkan nilai murni dalam diri belia; (4) untuk mencadangkan pendekatan terbaik yang boleh digunakan untuk memupuk dan memperkasakan nilai murni dalam kalangan belia menuju mentaliti kelas pertama; (5) untuk mengkaji mentaliti kelas pertama (aspek moraliti) di antara Malaysia dengan negara maju; serta (6) untuk mengkaji budaya mentaliti kelas pertama (aspek moraliti) dalam kalangan etnik utama di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Minda Kelas Pertama

Pembentukan masyarakat Malaysia yang mempunyai minda kelas pertama menjadi agenda penting negara selepas Perdana Menteri Kelima, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi menjadikannya sebagai teras kedua misi nasional yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Minda kelas pertama tidak akan terbentuk dengan sendirinya, tetapi ia perlu kepada usaha untuk memupuknya secara sistematik dan terlaksana (Zarin *et al.*, 2009; RMK-9, 2006). Menurut The Economic Planning Unit (2006), masyarakat mempunyai mentaliti kelas pertama adalah merujuk kepada masyarakat yang berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral. Selain itu, masyarakat mempunyai mentaliti kelas pertama juga tahu menghayati dan menghargai budaya, kesenian dan warisan serta sejarah negara, bangsa dan agamanya.

Secara khususnya, minda kelas pertama didefinisikan sebagai ciri-ciri modal insan yang mampu memenuhi keperluan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia. Ciri-ciri tersebut merangkumi aspek penguasaan ilmu yang tinggi, sikap proaktif,kekayaan moraliti, budaya menyumbang untuk kepentingan bersama dan pembangunan yang bersifat holistik (Aziz, 2010; Tun Abdullah Ahmad Badawi, 2006; RMK-9, 2006). Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi (2006) ketika membentangkan

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) menyatakan, dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah merupakan satu keperluan, dan bukan lagi kemewahan. Beliau juga berpendapat, pembangunan modal insan, anjakan minda dan pemikiran warga merupakan satu cabaran utama dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Selain itu, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi (2006) juga menjelaskan, di antara faktor paling utama untuk menjadi sebuah negara maju ialah keupayaan dan keperibadian masyarakat negara itu sendiri. Malaysia tidak boleh lagi dilihat sebagai sebuah negara yang memiliki ‘infrastruktur kelas pertama’ tetapi mempunyai ‘mentaliti kelas ketiga’. Dengan itu, penerapan pendekatan yang menyeluruh amatlah perlu terhadap pembangunan modal insan yang menekankan bukan sahaja dari aspek ilmu pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga kepada aspek nilai etika, minda yang progresif dan kesedaran budaya yang tinggi.

Menurut Zarin *et al.* (2009), modal insan negara yang berkualiti merupakan elemen paling kritikal dalam mencapai Misi Nasional seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Zarin *et al.* (2009) juga menjelaskan, pembangunan modal insan mempunyai mentaliti kelas pertama telah dijadikan teras utama pembangunan dan ia akan dilaksanakan secara holistik merangkumi pemerolehan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek termasuk keupayaan keusahawanan dan pengetahuan sains dan teknologi serta memiliki sikap, nilai dan etika positif dan progresif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Terdapat tiga (3) strategi utama dalam melahirkan modal insan mempunyai mentaliti kelas pertama iaitu (1) peningkatan terhadap keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan; (2) pengukuhan keupayaan sains, R&D dan inovasi; serta (3) pembentukan masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral (Zarin *et al.*, 2009; Tun Abdullah Ahmad Badawi, 2006; RMK-9, 2006). Dalam konteks kajian ini, pengkaji memfokus kepada strategi yang ketiga iaitu pembentukan masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral. Ia meliputi aspek akhlak mulia, nilai murni, budi bahasa, integriti, beretika dan mengikut norma-norma sebagai masyarakat timur. Pembentukan masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral adalah berpaksikan kepada empat tunjang utama iaitu agama, norma masyarakat, budaya dan tamadun (Tun Abdullah Ahmad Badawi, 2006; RMK-9, 2006).

Dengan memfokus kepada aspek moraliti dalam mentaliti kelas pertama, kajian ini secara tidak langsung mengkaji dengan khusus nilai-nilai murni dalam membentuk Identiti Nasional Belia Malaysia ke arah 2050. Hal ini kerana, nilai-nilai murni merupakan di antara elemen

penting yang mendasari aspek moraliti dalam usaha membentuk modal insan yang berbudaya serta memiliki kekuatan moral yang tinggi. Seperti yang dinyatakan oleh Baharom dan Mohamad Johdi (2009), pembangunan modal insan yang ditekankan adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat untuk mengamalkan nilai-nilai murni serta empati sesama manusia dalam kehidupan. Hal ini kerana, mengamalkan nilai-nilai murni serta empati sesama manusia dilihat mampu membuat mentaliti kelas ketiga masyarakat Malaysia.

Minda kelas ketiga didefinisikan sebagai kegagalan menggunakan kuasa berfikir sebenar ke tahap maksimum, seimbang dengan kedudukan pemikiran masyarakat yang boleh dianggap maju dan bertamadun. Ia juga merangkumi tiga (3) perkara iaitu aspek pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang apabila dicantum kesemuanya menunjukkan prestasi moral dan tingkah laku yang rendah (Utusan Malaysia, 2013). Justeru, menjadi tugas dan tanggungjawab semua untuk bersama-sama mengubah mentaliti kelas ketiga masyarakat Malaysia kepada sikap dan budaya berfikir ke arah yang lebih positif bagi merealisasikan hasrat melahirkan modal insan mempunyai mentaliti kelas pertama.

Nilai Murni

Nilai murni dan budi bahasa adalah merujuk kepada tingkah laku yang baik, peradaban, tertib, sopan dan tatasusila seseorang individu dalam hubungannya dengan Tuhan, manusia serta dengan alam sekitar (Norazri, 2015; Kementerian Penerangan Malaysia, 2017). Menurut Kementerian Penerangan Malaysia (2017), nilai-nilai murni yang diterima oleh masyarakat Malaysia adalah nilai-nilai sejagat yang dituntut oleh agama, kepercayaan, adat resam dan kebudayaan. Antara sifat nilai-nilai murni yang menyeluruh adalah seperti (1) amanah; (2) tanggungjawab; (3) ikhlas; (4) benar; (5) sederhana; (6) tekun; (7) bersih; (8) berdisiplin; (9) bekerjasama; (10) berperibadi mulia; (11) bersyukur; (12) muafakat; (13) bertoleransi; (14) bertimbang rasa; (15) bersatu padu; serta (16) beretika.

Menurut Lee Lam Thye (2015), program peningkatan budi bahasa dan nilai murni dalam kalangan rakyat patut diberi keutamaan dan dijadikan agenda utama negara semasa kita melangkah ke hadapan untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Beliau menegaskan, pembangunan negara tidak wajar hanya membabitkan bidang kemahiran dan kepakaran tertentu tetapi perlu seiring dengan pembangunan moral, nilai murni dan budi pekerti tinggi. Negara kita perlu memiliki rakyat yang berbudi bahasa, bertanggungjawab, hormat-menghormati, beramanah, jujur serta berintegriti kerana sistem nilai murni itu menjadi kayu pengukur sebenar sebuah negara maju. Adalah tidak bermakna pembangunan dilaksanakan dengan begitu pesat dan maju tanpa sistem nilai yang sewajarnya (Lee Lam Thye, 2015).

Kajian Jamilah Ahmad dan Nur Nasliza Arina (2015) mengenai amalan berbudi bahasa dalam kalangan belia memperlihatkan bahawa, nilai murni dan amalan berbudi bahasa golongan ini berada di tahap yang sederhana. Hasil kajian tersebut memperlihatkan, tahap amalan budi bahasa dan nilai murni golongan belia berada di tahap yang sederhana adalah kerana belia mencampur adukkan amalan berbudi bahasa dan nilai murni yang baik dengan amalan yang tidak berbudi bahasa dalam kehidupan sehari-hari mereka. Hasil penyelidikan tersebut juga memperlihatkan, di antara nilai-nilai murni dan amalan berbudi bahasa yang diaplikasikan oleh golongan belia adalah seperti bersopan santun apabila berbicara, mengucapkan terima kasih, memohon maaf apabila melakukan kesalahan, mengelakkan diri daripada menggunakan bahasa dan perkataan yang boleh menyakiti hati orang lain serta menghormati orang yang lebih tua/berusia. Selain itu, hasil penyelidikan tersebut juga mengenal pasti terdapat beberapa amalan tidak berbudi bahasa dan bercanggah dengan nilai-nilai murni masyarakat yang dilakukan oleh golongan belia iaitu seperti bercakap kasar, merosakkan harta benda awam, membuang sampah sesuka hati, memotong barisan serta tabiat memandu yang kurang sopan.

Hasil penyelidikan tersebut juga telah memperlihatkan akan keupayaan media sosial untuk digunakan sebagai di antara medium komunikasi terbaik dalam memupuk nilai murni dan amalan berbudi bahasa dalam kalangan belia. Hal ini dapat dilihat apabila hasil kajian menunjukkan bahawa media sosial sememangnya berupaya dalam memupuk nilai murni dan amalan berbudi bahasa dalam kalangan belia kerana (a) penggunaan media sosial dan tahap kebergantungan terhadap media sosial yang tinggi dalam kalangan belia; (b) media sosial mempunyai pelbagai kelebihan dan keistimewaan yang tidak ada pada medium komunikasi yang lain; serta (c) media sosial berupaya mengubah sikap dan tingkah laku belia ke arah pengaplikasian nilai murni dan amalan berbudi bahasa dalam kehidupan (Jamilah Ahmad dan Nur Nasliza Arina, 2015).

Kajian Nur Nasliza Arina dan Jamilah Ahmad (2016) mengenai pengaplikasian etika kerja Islam di dua buah organisasi swasta di Malaysia memperlihatkan terdapatnya beberapa nilai murni dan etika yang dituntut oleh organisasi untuk diamalkan oleh golongan pekerja. Di antara nilai-nilai murni tersebut adalah amanah, berhikmah, jujur, kejelasan, menepati masa dan integriti. Kesemua nilai murni tersebut adalah penting untuk diaplikasikan dalam memastikan amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh organisasi dan masyarakat dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Dalam merealisasikan hasrat menjadikan nilai murni dan budi bahasa sebagai amalan dalam kehidupan masyarakat, kerajaan melalui

Kementerian Kebudayaan dan Warisan (KEKWA) telah melancarkan kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni pada tanggal 11 Februari 2005. Namun, ramai yang tidak perasan bahawa kempen tersebut sebenarnya merupakan satu tamparan yang paling hebat buat masyarakat kerana ia menggambarkan bahawasanya orang Malaysia telah hilang budi dan bahasanya. Kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni tersebut tidak mungkin diwujudkan jika masyarakat berbudi bahasa selayaknya, di mana kempen tersebut juga menandakan keruntuhan tuggak peradaban orang Malaysia terutamanya golongan belia pada masa kini (Ku Seman, 2013).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan (mixed method), iaitu dengan menggabungkan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan kualitatif dalam mendapatkan dapatan kajian. Kajian ini menggunakan strategi ‘Concurrent Triangulation’ sebagai reka bentuk penyelidikan yang digunakan dalam pendekatan ‘mix method’ seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2003) dengan tujuan mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan satu kaedah penyelidikan sahaja. Selain itu, dalam konteks kajian ini, ia juga adalah bertujuan untuk mengimbangtara kelebihan dan kelebihan kedua-dua kaedah penyelidikan yang digunakan. Kaedah kuantitatif yang digunakan adalah tinjauan soal selidik (survey) manakala kaedah kualitatif yang digunakan adalah temu bual kumpulan fokus (focus group interview).

Tinjauan soal selidik melibatkan seramai 500 orang belia yang mewakili 5 zon di Malaysia iaitu Zon Utara, Selatan, Tengah, Timur dan SQL. Setiap zon yang terlibat akan diwakili seramai 100 orang belia. Belia yang terlibat dalam tinjauan soal selidik (survey) ini adalah merupakan belia yang berumur di antara 15-30 tahun mengikut had umur belia seperti yang dikategorikan oleh Dasar Belia Malaysia. Temu bual kumpulan fokus (focus group interview) melibatkan seramai 50 orang responden yang juga merupakan golongan belia yang berumur di antara 15-30 tahun. Sebanyak 5 kumpulan fokus dijalankan di lima zon yang terlibat iaitu di Zon Utara, Selatan, Tengah, Timur dan SQL. Setiap zon yang terlibat tersebut akan dijalankan satu kumpulan fokus yang terdiri daripada 10 orang responden.

Dalam mendapatkan maklum balas daripada responden menggunakan pendekatan kuantitatif, iaitu melalui kaedah tinjauan, maka instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik. Satu set borang soal selidik direka/dibina berdasarkan kepada teori asas yang digunakan dalam kajian beserta penelitian kajian literatur bagi memastikan setiap soalan yang diutarakan kepada responden dapat menjawab objektif penyelidikan. Secara khususnya, borang soal selidik merangkumi sebanyak 215 variables. Borang soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu

Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengadungi 6 variables yang memfokus kepada soalan mengenai demografi responden. Manakala, Bahagian B pula mengandungi 209 variables yang memfokus kepada soalan mengenai (1) nilai-nilai murni sedia ada pada belia; (2) nilai-nilai murni yang perlu ada pada belia; (3) faktor-faktor yang boleh memupuk dan meningkatkan nilai murni dalam diri belia; (4) pendekatan terbaik yang boleh digunakan untuk memupuk dan memperkasakan nilai murni dalam kalangan belia menuju mentaliti kelas pertama; serta (5) budaya mentaliti kelas pertama (aspek moraliti) dalam kalangan etnik utama di Malaysia. Bahagian ini menggunakan Skala Likert Lima Pilihan dalam mengukur maklum balas daripada responden. Kesemua data dan maklumat yang diperolehi melalui tinjauan soal selidik dianalisa menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial atau lebih dikenali sebagai SPSS (Version 21).

Bagi pendekatan kualitatif pula maka temubual kumpulan fokus telah diadakan, iaitu instrumen kajian yang digunakan adalah set soalan temu bual yang telah dibina khas bagi mendapatkan maklumat yang lengkap dan terperinci daripada informan. Set soalan temu bual tersebut adalah merangkumi soalan-soalan yang boleh mencapai objektif kajian di samping boleh juga untuk menjawab persoalan kajian yang telah diutarakan oleh pengkaji. Di samping itu, soalan tersebut juga merangkumi soalan-soalan susulan yang dibina berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi menerusi tinjauan soal selidik. Namun, pertambahan soalan juga boleh berlaku secara spontan mengikut jawapan dan maklum balas yang diberikan oleh responden semasa temu bual berlangsung. Kesemua data dan maklumat yang diperolehi daripada responden dianalisa menggunakan Analisis Tematik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang dibincangkan adalah meliputi tujuh perkara, iaitu (1) demografi responden; (2) nilai murni yang ada pada diri belia malaysia pada masa kini; (3) nilai-nilai murni yang perlu ada dalam diri belia ke arah menjadi golongan mentaliti kelas pertama; (4) faktor-faktor yang boleh menerapkan dan memperkasakan nilai murni dalam diri belia; (5) pendekatan terbaik yang boleh digunakan untuk menerapkan dan memperkasakan nilai murni dalam kalangan belia menuju mentaliti kelas pertama; (6) mentaliti kelas pertama (aspek moraliti) di antara Malaysia dengan negara maju; serta (7) budaya mentaliti kelas pertama (aspek moraliti) dalam kalangan etnik utama di Malaysia.

Demografi Responden

Berdasarkan jantina, 59.8% daripada responden yang terlibat adalah perempuan dan hanya 40.2% responden lelaki yang terlibat dalam kajian ini. Hal ini adalah kerana, faktor kelapangan waktu yang dimiliki oleh

banyak responden perempuan berbanding dengan responden lelaki yang ditemui oleh pengkaji ketika kajian ini dijalankan (sila rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Jantina Responden

Jantina Bilangan (%)

Lelaki 40.2%

Perempuan 59.8%

Dari segi umur, majoriti daripada responden yang terlibat adalah merupakan belia yang berumur dalam lingkungan 20 tahun hingga 24 tahun iaitu sebanyak 63.8%. Selebihnya iaitu sebanyak 26.4% pula adalah responden yang berumur dalam lingkungan 15 tahun hingga 19 tahun di samping 9.8% yang lain adalah responden yang berumur dalam lingkungan 25 tahun sehingga 30 tahun (sila rujuk Jadual 2).

Jadual 2: Umur Responden

Umur	Bilangan (%)
15-19 tahun	26.4%
20-24 tahun	63.8%
25-30 tahun	9.8%

Dari segi taraf pendidikan, majoriti responden mendapat pendidikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda, iaitu sebanyak 76.8%. Sebanyak 11% responden yang lain pula mendapat pendidikan di peringkat Diploma/STPM, 4.8% responden di peringkat SPM, 4% responden di peringkat PhD, 3.6% responden di peringkat Sarjana, 1.8% responden di peringkat SPM ke bawah serta baki 1.6% responden yang lain tidak bersekolah (sila rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Taraf Pendidikan Responden

Kelompok Masyarakat	Bilangan (%)
Tidak Bersekolah	1.6%
SPM ke bawah	1.8%
SPM	4.8%
Diploma/STPM	11%
Ijazah Sarjana Muda	76.8%
Sarjana	3.6%
PhD	4%

Dari segi etnik, majoriti responden adalah daripada etnik Melayu iaitu sebanyak 51.4%. Selebihnya iaitu sebanyak 21.4% responden adalah

daripada etnik Cina, 14.2% responden dari etnik India serta 13% responden yang lain adalah daripada etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak (sila rujuk Jadual 4).

Jadual 4: Etnik Responden

Etnik	Bilangan (%)
Melayu	51.4%
Cina	21.4%
India	14.2%
Bumiputera Sabah & Sarawak	13%

Nilai murni yang ada pada diri belia malaysia pada masa kini

Hasil kajian menunjukkan terdapat 10 nilai murni yang dimiliki oleh belia di Malaysia. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti daripada responden memberikan skala 4, iaitu merujuk kepada tahap tinggi ke atas 10 daripada 20 nilai murni yang disenaraikan oleh para sarjana yang berkaitan. 10 nilai-nilai murni tersebut adalah (1) bertimbang rasa; (2) bertanggungjawab; (3) bertoleransi; (4) muafakat; (5) bersih (fizikal); (6) bekerjasama; (7) berbudi bahasa; (8) hormat menghormati; (9) berintegriti; serta (10) bersedekah. Maklum balas terperinci responden dapat dilihat di Jadual 5.

Jadual 5: Nilai murni yang ada pada diri belia

Nilai murni yang ada pada belia masa kini. *Skala paling tinggi (5) sehingga skala yang paling rendah (1)	Keutamaan				
	Tinggi		Rendah		
bertimbang rasa	5 (10.6%)	4 (46%)	3 (39%)	2 (3.6%)	1 (0.8%)
bertanggungjawab	5 (11.4%)	4 (43.2%)	3 (39.2%)	2 (5.2%)	1 (1.0%)
bertoleransi	5 (12.2%)	4 (47.8%)	3 (33.6%)	2 (4.4%)	1 (2.0%)
muafakat	5 (11.4%)	4 (41.6%)	3 (40.2%)	2 (5.0%)	1 (1.8%)
bersih (fizikal)	5 (14.2%)	4 (45%)	3 (36.4%)	2 (3.0%)	1 (1.4%)
bekerjasama	5 (15.4%)	4 (41.6%)	3 (36.6%)	2 (5.4%)	1 (1.0%)
berbudi bahasa	5 (12.0%)	4 (42.4%)	3 (38.6%)	2 (4.8%)	1 (2.2%)

hormat menghormati	5 (14.0%)	4 (41.4%)	3 (36.4%)	2 (7.0%)	1 (1.2%)
berintegriti	5 (10.2%)	4 (40.2%)	3 (38.8%)	2 (8.4%)	1 (2.4%)
bersedekah	5 (8.6%)	4 (41.8%)	3 (35.8%)	2 (9.0%)	1 (4.8%)

Selain itu, hasil kajian juga mendapati, 10 nilai murni yang dinyatakan tersebut sememangnya diaplikasikan oleh majoriti responden di dalam kehidupan mereka. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti responden menyatakan kerap melakukan 10 nilai-nilai murni tersebut. Maklum balas terperinci responden dapat dilihat pada Jadual 6.

Jadual 6: Tahap kekerapan yang tinggi oleh belia dalam mengamalkan 10 nilai murni dalam kehidupan

Nyatakan pandangan anda terhadap sikap dan tingkah laku belia pada masa kini:	Kerap Dilakukan (%)
menolong orang yang dalam kesusahan (bertimbang rasa)	47.4%
bersatu hati dalam melakukan sesuatu secara bersama-sama (muafakat)	50%
menerima dan menghormati pendapat orang lain (bertoleransi)	50%
tolong menolong di antara satu sama lain (bekerjasama)	52%
menjaga kebersihan diri (bersih fizikal)	56.2%
menjaga tingkah laku dan keperibadian diri kerana tuntutan agama (budi bahasa)	51.4%
menjaga tingkah laku dan keperibadian diri kerana tuntutan hidup bermasyarakat (budi bahasa)	50.6%
memberikan layanan yang sopan dan berhemah terhadap individu lain (hormat)	54.2%
jujur dan telus dalam melakukan sesuatu perkara (berintegriti)	47%
memberikan sesuatu secara sukarela dan ikhlas dari segi kewangan (bersedekah)	44.4%
memberikan sesuatu secara sukarela dan ikhlas dari segi tenaga/sokongan (bersedekah)	47%
bertanggungjawab dengan setiap perkara yang dilakukan (bertanggungjawab)	44%

Berdasarkan maklum balas responden melalui temu bual kumpulan fokus, responden menjelaskan bahawa, 10 nilai murni yang ada pada belia

seperti yang disebutkan di atas sememangnya nilai murni yang diamalkan oleh belia pada masa kini di dalam kehidupan sehari-hari. Tambahan lagi, responden juga memaklumkan, nilai murni menjaga kebersihan fizikal merupakan di antara nilai murni yang paling banyak diaplikasikan oleh belia. Hal ini kerana, belia pada masa kini amat mementingkan penampilan diri yang sentiasa bersih, kemas dan terkini.

Nilai-nilai murni yang perlu ada dalam diri belia ke arah menjadi golongan mentaliti kelas pertama

Hasil kajian mendapati, terdapat 10 nilai murni yang perlu ada pada diri belia. Hal ini kerana, nilai-nilai murni tersebut kurang diamalkan oleh belia. Perkara ini dapat dilihat apabila majoriti responden memberikan skala 3 (merujuk kepada tahap rendah) kepada 10 nilai-nilai murni tersebut. 10 nilai-nilai murni tersebut adalah (1) bersatu padu; (2) amanah; (3) ikhlas; (4) benar; (5) besederhana; (6) tekun; (7) beretika; (8) bersyukur; (9) bersih (rohani/jiwa); serta (10) berdisiplin. Maklum balas terperinci responden dapat dilihat pada Jadual 7.

Jadual 7: Nilai murni yang perlu ada pada diri belia

Nilai murni yang ada pada belia masa kini. *Skala paling tinggi (5) sehingga skala yang paling rendah (1)	Keutamaan				
	Tinggi		Rendah		
bersatu padu	5 (10%)	4 (41.6%)	3 (41.8%)	2 (5.8%)	1 (0.8%)
amanah	5 (11.2%)	4 (38.4%)	3 (41.4%)	2 (7.4%)	1 (1.6%)
ikhlas	5 (11.8%)	4 (37.4%)	3 (40.6%)	2 (7.8%)	1 (2.4%)
benar	5 (12.0%)	4 (34.8%)	3 (42%)	2 (9.8%)	1 (1.4%)
besederhana	5 (9.4%)	4 (33.8%)	3 (42.6%)	2 (11.6%)	1 (3.6%)
tekun	5 (11.4%)	4 (36.6%)	3 (45.2%)	2 (5.2%)	1 (1.6%)
beretika	5 (11.2%)	4 (35.4%)	3 (46.8%)	2 (4.2%)	1 (2.4%)
bersyukur	5 (10.6%)	4 (39.6%)	3 (39.8%)	2 (8.2%)	1 (1.8%)
bersih (rohani/jiwa)	5 (11.6%)	4 (37.8%)	3 (40.4%)	2 (7.2%)	1 (3.0%)

berdisiplin	5 (12.2%)	4 (36.8%)	3 (42.2%)	2 (6.8%)	1 (2.0%)
-------------	--------------	--------------	--------------	-------------	-------------

Hasil kajian juga menunjukkan terdapat 10 nilai murni yang dinyatakan kurang diamalkan oleh majoriti responden dalam kehidupan harian mereka. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti responden menyatakan hanya sekali sekala dan tidak pernah dilakukan 10 nilai-nilai murni tersebut. Maklum balas terperinci responden dapat dilihat pada Jadual 8.

Jadual 8: Tahap kekerapan yang rendah oleh belia dalam mengamalkan 10 nilai murni dalam kehidupan

Nyatakan pandangan anda terhadap sikap dan tingkah laku belia pada masa kini	Sekali sekala dilakukan / Tidak pernah dilakukan (%)
bersepakat dalam melakukan sesuatu (tidak berpecah belah) bersatu padu)	21%
bersifat amanah	21%
melakukan sesuatu dengan rela hati tanpa mengharapkan balasan (ikhlas)	30%
tidak menipu dalam percakapan dan perbuatan (benar)	22%
bersederhana dalam setiap perkara yang dilakukan	22%
bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu	16%
berkelakuan baik dan betul mengikut norma masyarakat (beretika)	17%
menghargai faedah atau nikmat yang diterima (bersyukur)	19%
menjaga kesucian diri (dalaman/rohani)	14%
memberi tumpuan sepenuhnya ke atas tugas yang dilakukan (berdisiplin)	14%
melakukan tugas dengan sempurna (berdisiplin)	16%

Hasil kajian juga mendapati, nilai-nilai murni yang perlu ada pada belia masa kini juga adalah melibatkan kesedaran sivik. Hal ini kerana, hasil kajian memperlihatkan, kesedaran sivik dalam kalangan rakyat Malaysia berada di tahap yang rendah iaitu pada skala 3 sahaja. Kesedaran sivik yang dimaksudkan adalah melibatkan kesedaran dari segi (1) membudayakan amalan kitar semula; (2) membuang sampah dan sisa makanan di tempat yang sepatutnya; (3) beratur dengan tertib untuk menunggu giliran masing-masing; (4) menjaga dan menghargai harta benda awam; (5) tabiat

memandu yang sopan dan berhemah; serta (6) merokok di tempat yang sepatutnya. Maklum balas terperinci responden dapat dilihat di Jadual 9.

Jadual 9: Tahap kesedaran sivik yang rendah dalam kalangan belia
Sejauhmanakah rakyat Malaysia mempunyai kesedaran sivik dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

*Skala paling tinggi (5) sehingga skala yang paling rendah (1)	Keutamaaan				
	Tinggi		Rendah		
membudayakan amalan kitar semula	5 (10.6%)	4 (37%)	3 (39%)	2 (9%)	1 (4.4%)
membuang sampah dan sisa makanan di tempat yang sepatutnya	5 (11.4%)	4 (28.4%)	3 (42.2%)	2 (11.4%)	1 (6.6%)
beratur dengan tertib untuk menunggu giliran masing-masing	5 (11.2%)	4 (32.6%)	3 (39.2%)	2 (11.4%)	1 (5.6%)
menjaga dan menghargai harta benda awam	5 (11.8%)	4 (26.6%)	3 (42.6%)	2 (11%)	1 (8%)
tabiat memandu yang sopan dan berhemah	5 (9.2%)	4 (24.6%)	3 (42.8%)	2 (15.4%)	1 (9%)
merokok di tempat yang sepatutnya	5 (10.8%)	4 (17.6%)	3 (31%)	2 (20.6%)	1 (20%)

Hasil dapatan kajian melalui temu bual kumpulan fokus menunjukkan bahawa, responden sememangnya mengakui 10 nilai murni yang perlu ada pada belia seperti yang disebutkan di atas sememangnya kurang diaplikasikan oleh belia pada masa kini. Responden juga beranggapan, 10 nilai murni tersebut perlu diterapkan dan dipupuk dalam kalangan belia bagi memastikan belia Malaysia mempunyai akhlak dan moral yang baik. Di antara 10 nilai murni tersebut, responden menjelaskan, nilai murni berdisiplin, amanah dan benar merupakan di antara nilai murni yang sangat kurang diamalkan oleh belia sedangkan ketiga-tiga nilai murni tersebut merupakan di antara nilai murni yang penting dan wajib diamalkan sebagai manusia. Selain itu, hasil kajian temu bual kumpulan fokus juga memperlihatkan bahawa, kesedaran sivik dalam kalangan belia masa kini juga berada pada tahap yang rendah. Responden menjelaskan, sikap dan tingkah laku belia yang menunjukkan kesedaran sivik yang rendah dapat dilihat apabila belia masa kini sangat kurang menjaga dan

menghargai harta benda awam terutamanya melibatkan penggunaan tandas dan pengangkutan awam seperti bas dan komuter.

Faktor-faktor yang boleh memupuk dan meningkatkan nilai murni dalam diri belia

Hasil kajian mendapati, terdapat tujuh (7) faktor yang boleh memupuk dan meningkatkan nilai murni dalam diri belia iaitu (1) Pegangan agama; (2) Didikan daripada keluarga; (3) Kemahuan diri sendiri; (4) Pengajaran dan pembelajaran di sekolah; (5) Pengaruh sahabat/rakan; (6) Rohani (hati/dalaman seseorang); (7) Persekutaran (tempat kerja atau kawasan kediaman). Majoriti responden menyatakan sangat setuju dan setuju bahawa ketujuh faktor tersebut sememangnya berupaya dalam memupuk dan meningkatkan nilai murni dalam kalangan belia di Malaysia. Maklum balas terperinci responden dapat dilihat di Jadual 10.

Jadual 10: Faktor-faktor yang boleh memupuk dan meningkatkan nilai murni dalam diri belia

Pengamalan nilai—nilai murni oleh seseorang belia itu adalah berkait rapat dengan:	Sangat Setuju & Setuju (%)
Didikan daripada keluarga	93.6%
Pegangan agama	86.8%
Rohani (hati/dalaman seseorang)	86.8%
Pengajaran dan pembelajaran di sekolah	84.8%
Kemahuan diri sendiri	82.8%
Pengaruh sahabat/rakan	79.0%
Persekutaran (tempat kerja atau kawasan kediaman)	75.6%
Desakan dan tuntutan hidup bermasyarakat	61%
Taraf pendidikan	60.8%
Tekanan pihak berwajib (penguatkuasaan undang-undang)	53.8%

Kesemua faktor tersebut diakui sememangnya berupaya memupuk dan meningkatkan nilai murni dalam kalangan belia oleh responden semasa temu bual kumpulan fokus dijalankan. Responden menjelaskan, dari segi pegangan agama, mereka menegaskan bahawa kepercayaan, kepatuhan serta pengaplikasian segala suruhan dan tuntutan agama mampu menjadi pendinding diri belia dari terlibat dengan perkara yang tidak bermoral dan bertentangan dengan nilai murni. Dari segi didikan daripada keluarga pula, responden menjelaskan, keluarga adalah cerminan diri belia, oleh itu belia akan terpengaruh dengan apa yang dilakukan oleh ahli keluarga. Maka adalah amat penting pengajaran nilai murni dari rumah kerana ia akan dapat menjadi asas kukuh kepada belia untuk terus mengamalkan nilai murni di mana-mana sahaja. Selain itu, responden juga menjelaskan,

ibu bapa merupakan ahli keluarga yang paling mempengaruhi belia untuk mengamalkan nilai murni di mana jika ibu bapa mengamalkan nilai murni dalam kehidupan, ia secara tidak langsung akan memotivasi dan mempengaruhi belia untuk turut serta mengamalkan nilai murni dalam kehidupan.

Dari segi kemahuan diri sendiri pula, responden menjelaskan, pengamalan nilai murni yang lahir dari kehendak diri belia sendiri akan lebih bermakna kerana ia berkait rapat dengan keikhlasan dan konsistensi belia untuk terus mengamalkan nilai murni sepanjang hayat mereka. Dari segi pengajaran dan pembelajaran di sekolah, responden mengakui bahawa, pengajaran pendidikan agama dan moral sedikit sebanyak mempengaruhi mereka untuk mengamalkan nilai murni kerana didedahkan dengan kebaikan dan keistimewaan yang akan diperolehi oleh mereka jika mengamalkan nilai murni dalam kehidupan. Dari segi pengaruh sahabat pula, responden menjelaskan, sahabat dapat mempengaruhi tindakan dan perlakuan belia dan kerana itu adalah penting untuk menghabiskan masa dan mendekatkan diri dengan individu yang baik tingkah lakunya supaya belia tidak terlibat dengan perkara-perkara yang melanggar moral dan nilai murni.

Dari segi rohani yakni dalaman dan hati seseorang, responden menjelaskan individu yang mempunyai hati yang baik akan secara automatiknya mempunyai sikap dan perilaku yang baik. Hal ini kerana, sikap dan tingkah laku seseorang adalah berkait rapat dengan hati dan dalaman seseorang individu. Manakala, dari segi faktor persekitaran pula, responden menjelaskan, ia sedikit sebanyak dapat mempengaruhi pengamalan nilai murni oleh belia. Responden menjelaskan, tinggal di lingkungan persekitaran yang positif dapat membentuk peribadi diri yang baik dan begitu juga sebaliknya.

Pendekatan terbaik yang boleh digunakan untuk memupuk dan memperkasakan nilai murni dalam kalangan belia menuju mentaliti kelas pertama

Hasil kajian mendapati, terdapat sembilan (9) pendekatan terbaik yang boleh digunakan untuk memupuk dan memperkasakan nilai murni dalam kalangan belia menuju mentaliti kelas pertama iaitu (1) Pengajaran dan pembelajaran secara formal di institusi pendidikan (sekolah/IPT); (2) Penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berwajib; (3) Didikan sedari awal oleh ibu bapa sejak kecil lagi; (4) Kempen kesedaran melalui media massa (TV, radio, akhbar); (5) Kempen kesedaran melalui media sosial (FB, Instagram, Whatsapp, Wechat, Youtube); (6) Kempen kesedaran secara bersemuka; (7) Penganjuran pelbagai aktiviti kemasyarakatan di kawasan kiediaman; (8) Melibatkan belia dengan program kesukarelawan (cth: sukarelawan polis, bantuan banjir); (9) Melibatkan belia dalam proses

membuat keputusan (menerima idea, pandangan, kritikan dari belia). Maklum balas terperinci responden dapat dilihat di Jadual 11.

Jadual 11: Pendekatan Terbaik

Di antara pendekatan terbaik yang boleh digunakan untuk memperkasakan nilai murni dalam kalangan belia adalah melalui:	Sangat Setuju & Setuju (%)
1. Didikan sedari awal oleh ibu bapa sejak kecil lagi	94%
2. Melibatkan belia dengan program kesukarelawan (cth: sukarelawan polis, bantuan banjir)	85.8%
3. Penganjuran pelbagai aktiviti kemasyarakatan di kawasan kediaman	84.2%
4. Melibatkan belia dalam proses membuat keputusan (menerima idea, pandangan, kritikan dari belia)	83.4%
5. Kempen kesedaran melalui media massa (TV, radio, akhbar)	80.4%
6. Pengajaran dan pembelajaran secara formal di institusi pendidikan (sekolah/IPT)	80%
7. Penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berwajib	78.8%
8. Kempen kesedaran secara bersemuka	78%
9. Kempen kesedaran melalui media sosial (FB, <i>Instagram</i> , <i>Whatsapp</i> , <i>Wechat</i> , <i>Youtube</i>)	73%

Dari segi medium komunikasi, hasil kajian mendapati, terdapat enam (6) medium komunikasi terbaik yang boleh digunakan dalam memupuk dan memperkasakan nilai murni dalam kalangan belia di Malaysia iaitu (1) Media sosial (FB, *Instagram*, *Whatsapp*, *Wechat*); (2) Televisyen Swasta (TV3, Astro); (3) Akhbar (online); (4) Radio swasta (Era, Hot FM); (5) Kempen kesedaran secara bersemuka; serta (6) Ceramah. Maklum balas terperinci responden dapat dilihat di Jadual 12.

Jadual 12: Medium Komunikasi Terbaik

Adakah medium komunikasi di bawah sesuai digunakan dalam membantu pihak berwajib memperkasakan nilai murni dalam kalangan belia?	Sangat Setuju & Setuju(%)
Media sosial (FB, <i>Instagram</i> , <i>Whatsapp</i> , <i>Wechat</i>)	80%
Televisyen Swasta (TV3, Astro)	78.8%
Akhbar (online)	76.8%
Radio swasta (Era, Hot FM)	76.6%
Kempen kesedaran secara bersemuka	74.2%
Ceramah/talk	72.8%

Televisyen Kerajaan (TV1, TV2)	69.6%
Poster	69.4%
Akhbar (cetak)	67.2%
Radio Kerajaan (RTM)	66.6%
Risalah	65.8%

Dari segi bentuk mesej, hasil kajian mendapati, terdapat lima (5) bentuk mesej yang sesuai digunakan dalam memastikan kempen memperkasakan nilai murni memberikan impak yang positif kepada belia. Senarai lima (5) bentuk mesej tersebut adalah (1) Drama pendek; (2) Gambar/visual; (3) Kata-kata motivasi (Cth: Bahasa menunjukkan bangsa); (4) Pesanan dari tokoh agama (ustaz/ustazah/ulama/mufti); serta (5) Pesanan dari rakan sebaya. Maklum balas terperinci responden dapat dilihat di Jadual 13.

Jadual 13: Bentuk Mesej Terbaik

Bentuk mesej kempen yang dapat memberikan impak yang positif kepada belia dalam bentuk:	Sangat Setuju/ Setuju(%)
Lagu	70.4%
Drama pendek	84%
Gambar/visual	80.6%
Pantun	52.4%
Kata-kata motivasi (Cth: Bahasa menunjukkan bangsa)	80%
Pesanan dari tokoh politik	64.8%
Pesanan dari pemimpin negara	64.8%
Pesanan dari ahli akademik	72.4%
Pesanan dari tokoh agama (ustaz/ustazah/ulama)	82.2%
Pesanan dari selebriti (penyanyi/ pelakon/ pengarah)	67.1%
Pesanan dari tokoh belia	73.2%
Pesanan dari rakan sebaya	82.2%
Pesanan dari pihak berkuasa (Cth: Polis, Tentera)	65.8%
Pesanan dari individu yang berjaya/terkenal	76.6%
Pesanan dari bakal majikan	72.8%

Dari segi ciri-ciri mesej, hasil kajian mendapati, terdapat tujuh (7) ciri mesej yang mampu menarik minat dan perhatian belia terhadap kempen kesedaran pengamalan nilai murni yang dijalankan oleh pihak berwajib. Senarai tujuh (7) ciri mesej tersebut adalah (1) mesej yang jelas dan ringkas; (2) mesej yang kreatif (ada gambar, video, visual); (3) mesej yang bersifat positif (memujuk, mendorong); (4) mesej yang bersifat memberi peringatan/amaran; (5) waktu penyampaian mesej yang bersesuaian;

(6) ayat yang digunakan dalam mesej adalah sopan; serta (7) ayat yang digunakan dalam mesej adalah mudah difahami Maklum balas terperinci responden dapat dilihat di Jadual 14.

Jadual 14: Ciri-Ciri Mesej Terbaik

Jika kempen kesedaran pengamalan nilai murni dijalankan oleh pihak berwajib, apakah ciri-ciri mesej yang mampu menarik minat dan perhatian anda terhadap kempen tersebut?	Sangat Setuju/ Setuju(%)
mesej yang jelas dan ringkas	91.2%
mesej yang kreatif (ada gambar, video, visual)	93.2%
mesej yang bersifat positif (memujuk, mendorong)	89.2%
mesej yang bersifat memberi peringatan/amaran	81%
mesej yang berisfat negatif (memerli, mengugut)	43%
mesej yang terperinci	64.2%
mesej yang disampaikan secara berulang-ulang	61.8%
waktu penyampaian mesej yang bersesuaian	86.3%
ayat yang digunakan dalam mesej adalah sopan	91.4%
ayat yang digunakan dalam mesej adalah mudah difahami	92.2%

Maklum balas responden melalui temu bual kumpulan fokus juga mendapati, kesembilan pendekatan tersebut sememangnya sesuai digunakan untuk memupuk dan memperkasakan nilai murni dalam kalangan belia menuju mentaliti kelas pertama. Di antara kesembilan pendekatan tersebut, responden menjelaskan, didikan sedari awal lagi dari ibu bapa merupakan di antara pendekatan terbaik yang dapat memupuk belia mengamalkan nilai murni dalam kehidupan. Hal ini kerana, responden berpendapat adalah lebih mudah untuk menyemai, menanam dan mempengaruhi individu untuk melakukan kebaikan jika dimulakan di peringkat awal dan ia akan menjadi satu kebiasaan yang akan berterusan di lakukan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Selain itu, responden juga berpendapat, mengadakan kempen kesedaran akan kepentingan mengamalkan nilai murni di media sosial adalah merupakan pendekatan terbaik yang boleh digunakan untuk mempengaruhi belia mengamalkan nilai murni. Hal ini kerana, media sosial merupakan medium komunikasi terkini yang paling banyak digunakan oleh belia di Malaysia di samping keistimewaan dan kelebihan yang ada pada media sosial sendiri. Selain itu, responden juga menjelaskan, mesej yang inginkan disampaikan kepada responden melalui kempen-kempen kesedaran yang dijalankan haruslah bersifat positif, ringkas, jelas, sopan di samping disampaikan secara kreatif sama ada bentuk gambar, video atau drama pendek.

Minda Kelas Pertama (Aspek Moraliti) di Antara Malaysia dengan Negara Maju

Dalam membandingkan minda kelas pertama dari aspek moral di antara Malaysia dengan negara maju, kajian perpustakaan yang dijalankan oleh pengkaji memperlihatkan, terdapat sedikit perbezaan di antara keduanya iaitu melibatkan pegangan agama dan pengaruh budaya setempat masing-masing. Mentaliti kelas pertama di Malaysia adalah bertunjangkan kepada pegangan agama dan budaya timur di mana akhlak, nilai-nilai murni, budi bahasa mahu pun etika yang diamalkan haruslah selari dengan pegangan agama dan budaya timur rakyat Malaysia (RMK-9). Sebagai contoh, Jabatan Penerangan Malaysia (2017) menjelaskan, nilai-nilai murni yang diterima oleh masyarakat Malaysia adalah nilai-nilai sejagat yang dituntut oleh agama, kepercayaan, adat resam dan kebudayaan.

Sedangkan, di sesetengah negara maju di barat, aspek moral tidak memperlihatkan hubungkait dan perkaitan dengan ajaran agama. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa perlakuan moral mereka yang jelas bertentangan dengan ajaran agama seperti menerima soal bersekedudukan antara pasangan tanpa berkahwin walaupun perbuatan itu bertentangan dengan agama dan nilai murni (Bernama, 2011). Perkara sebegini berlaku mungkin juga kerana faktor budaya setempat mereka yang terbiasa dengan keadaan sedemikian yang jelas berbeza dengan budaya timur di Malaysia. Sebagai contoh, di sesetengah negara maju di barat, mereka menghalalkan sebarang cara untuk tujuan kebaikan walaupun ia bertentangan dengan nilai-nilai murni sejagat seperti memberlakukan gerakan ‘Hari Tanpa Coli’ bagi menarik perhatian dunia terhadap ancaman kanser payudara (Utusan Malaysia, 2017). Walaupun tujuan mereka adalah baik iaitu untuk memberikan kesedaran akan ancaman kanser payudara, namun cara yang digunakan adalah salah dari segi moral sejagat. Namun demikian, faktor budaya setempat di barat yang tidak menganggap perilaku moral tersebut salah menyebabkan hal-hal sebegini berlaku dan memberikan ancaman kepada negara-negara yang berpegang teguh kepada budaya timur seperti Malaysia di mana kebimbangan yang tinggi ia akan mempengaruhi tindakan dan perlakuan terutamanya dalam kalangan generasi muda (Utusan Malaysia, 2017).

Kajian perpustakaan juga memperlihatkan, mentaliti kelas pertama dari aspek moral di antara Malaysia dan negara maju juga memperlihatkan sedikit perbezaan apabila Malaysia dilihat memberi fokus dari sudut budi bahasa dan nilai-nilai murni, manakala sesetengah negara maju pula memberi fokus kepada kesedaran sivik dan etika. Tidak dapat disangkal bahawa kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat di negara-negara maju adalah tinggi dan baik berbanding di Malaysia (Nik Hafizul, 2017; Utusan Malaysia, 2017; Anuar Ahmad, 2015; Utusan Malaysia, 2007). Sebagai contoh, lihat sahaja bagaimana di Jepun masyarakatnya yang

beratur dengan tertib untuk menunggu giliran masing-masing, membuang sampah dan sisa makanan di tempat yang sepatutnya serta membudayakan amalan kitar semula menunjukkan kesedaran sivik yang tinggi oleh mereka (Haidar Najihah, 2007).

Selain daripada itu, mentaliti kelas pertama dari aspek moral di negara maju juga memperlihatkan mereka memberikan fokus terhadap etika kerja dan ini merupakan di antara faktor ang menyumbang kepada kemajuan dan kejayaan di negara-negara maju tersebut. Di Jepun dan Korea Selatan misalnya, selain menepati masa, integriti dan akauntabiliti merupakan di antara etika kerja yang dipegang kuat oleh masyarakat di dua negara tersebut (Anuar Ahmad, 2017). Selain daripada itu juga, masyarakat Jepun turut berpegang kepada etika kerja seperti setia terhadap organisasi yang diwakili, mengamalkan sikap bekerjasama dengan rakan sekerja serta mengelakkan sifat individualistik di mana mereka akan sentiasa melakukan kerja secara berkumpulan (Suhana dan Kartini, 2015; Maizatul Haizan, 2002).

Walaupun mereka dilihat memberikan penekanan yang khusus kepada kesedaran sivik dan etika kerja, mereka juga turut tidak ketinggalan dalam mengamalkan budi bahasa dan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Hal ini dapat dilihat menerusi sikap mereka yang menghargai pemberian orang walaupun sedikit, menyanjung tinggi kenalan baru, menghormati orang yang lebih tua serta mempunyai rasa malu apabila sesuatu kerja yang dilakukan tidak mencapai kualiti yang sepatutnya (Suhana dan Kartini, 2015).

Maklum balas responden melalui temu bual kumpulan fokus juga memperlihatkan bahawa mentaliti kelas pertama dari aspek moral di antara Malaysia dan negara Maju sememangnya terdapat sedikit sahaja perbezaan. Responden menjelaskan, moral rakyat Malaysia adalah berpaksikan kepada ajaran agama dan budaya timur sedangkan di negara Maju adalah bersifat liberal dan tidak bersangkutan dengan agama kerana mereka mengasingkan agama dengan aktiviti sehari-hari mereka. Selain itu, responden juga menjelaskan, dari aspek nilai murni, rakyat Malaysia lebih mementingkan budi bahasa dalam kehidupan sedangkan di negara maju mereka lebih mementingkan etika kerja dan kesedaran sivik. Responden juga mengakui bahawa salah satu daripada kemajuan yang dikecapi oleh banyak negara maju adalah bertitik tolak dari etika kerja dan kesedaran sivik yang tinggi oleh rakyat di negara-negara tersebut.

Kesimpulannya, berbanding dengan sesetengah negara maju di dunia, Malaysia sememangnya memfokuskan aspek moral dalam mentaliti kelas pertama dari sudut pengamalan budi Bahasa dan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakatnya. Pelbagai usaha telah dilakukan dalam

melahirkan masyarakat yang mempunyai moral yang tinggi sejajar dengan kemajuan negara yang semakin baik dari semasa ke semasa (Tan Sri Dr. Rais Yatim, 2017; Jabatan Penerangan Malaysia, 2017; Aminudin Mansor, 2015). Melihat akan bertapa pentingnya melahirkan modal insan yang mempunyai moral yang tinggi, maka kajian ini bertujuan untuk membantu pihak berwajib dalam bersama-sama memupuk dan memperkasakan aspek moral dalam kalangan belia di Malaysia. Hal ini sangat penting kerana, golongan belia adalah generasi pemimpin yang akan mencorakkan masa hadapan negara dan kerana itulah mereka perlu dibentuk dan dipimpin sedari awal lagi agar mempunyai moral dan akhlak yang tinggi. Seca khususnya, kajian ini adalah bertujuan untuk membentuk Identiti Nasional Belia Malaysia ke arah 2050 dari sudut penerapan dan pemerkasaan nilai murni dalam kalangan belia menuju mentaliti kelas pertama.

Budaya Mentaliti Kelas Pertama (Aspek Moraliti) Dalam Kalangan Etnik Utama Di Malaysia

Hasil kajian mendapati, tahap pengamalan nilai murni oleh tiga (3) etnik utama di Malaysia pada masa kini adalah tinggi (Skala 4). Maklumat terperinci tersebut dapat dilihat seperti di Jadual 15.

Jadual 15: Tahap Pengamalan nilai murni oleh 3 etnik utama di Malaysia
Pengamalan nilai murni oleh 3 etnik utama di Malaysia

*Skala paling tinggi (5) sehingga skala yang paling rendah (1)	Keutamaan				
	Tinggi		Rendah		
Secara keseluruhannya, apakah tahap pengamalan nilai-nilai murni oleh etnik MELAYU	5 (14%)	4 (48%)	3 (32%)	2 (4.8%)	1 (1.2%)
Secara keseluruhannya, apakah tahap pengamalan nilai-nilai murni oleh etnik CINA	5 (11.2%)	4 (48.4%)	3 (34.6%)	2 (4.2%)	1 (1.6%)

Secara keseluruhannya, apakah tahap pengamalan nilai-nilai murni oleh etnik INDIA	5 (10.8%)	4 (42.8%)	3 (37.8%)	2 (6.4%)	1 (2.2%)
---	--------------	--------------	--------------	-------------	-------------

Dari segi pengamalan nilai murni oleh Etnik Melayu, hasil kajian mendapati, terdapat 12 nilai murni yang diamalkan, iaitu (1) memberi ucapan salam; (2) mengukir senyuman; (3) menghormati orang yang lebih berusia; (4) pertuturan dan perlakuan yang beradab ; (5) memiliki perasaan malu; (6) membantu insan yang memerlukan; (7) meraikan dan memuliakan tetamu; (8) semangat gotong royong; (9) bersyukur; (10) bersedekah; (11) bertoleransi; serta (12) besederhana. Selain itu, maklum balas responden juga menunjukkan, 12 nilai murni yang diamalkan oleh Etnik Melayu seperti yang dinyatakan tersebut berada pada tahap tinggi (skala 4). Maklumat terperinci seperti di Jadual 16.

Jadual 16: Tahap pengamalan nilai murni oleh Etnik Melayu

Pengamalan nilai-nilai murni di bawah oleh etnik MELAYU *Skala paling tinggi (5) sehingga skala yang paling rendah (1)	Keutamaan				
	Tinggi		Rendah		
memberi ucapan salam	5 (20.6%)	4 (50.6%)	3 (24.8%)	2 (2.8%)	1 (1.2%)
mengukir senyuman	5 (17.2%)	4 (50%)	3 (28.2%)	2 (4%)	1 (0.6%)
menghormati orang yang lebih berusia	5 (20.2%)	4 (49%)	3 (26.8%)	2 (3.4%)	1 (0.6%)
pertuturan dan perlakuan yang beradab	5 (13.8%)	4 (47.8%)	3 (32.8%)	2 (5%)	1 (0.6%)
memiliki perasaan malu	5 (11.6%)	4 (41.8%)	3 (36.6%)	2 (7.6%)	1 (2.4%)
membantu insan yang memerlukan	5 (16.6%)	4 (45%)	3 (32.4%)	2 (5%)	1 (1%)
meraikan dan memuliakan tetamu	5 (18%)	4 (48.2%)	3 (30.4%)	2 (2.6%)	1 (0.8%)
semangat gotong royong	5 (14.8%)	4 (42.2%)	3 (34.2%)	2 (6.4%)	1 (2.4%)

bersyukur	5 (16%)	4 (43%)	3 (32.6%)	2 (6.8%)	1 (1%)
bersedekah	5 (15.8%)	4 (43.8%)	3 (32.6%)	2 (6.8%)	1 (1%)
bertoleransi	5 (12.6%)	4 (45.6%)	3 (35.4%)	2 (5.4%)	1 (1%)
besederhana	5 (12.2%)	4 (43.2%)	3 (35.6%)	2 (6.6%)	1 (2.4%)

Dari segi pengamalan nilai murni oleh Etnik Cina, hasil kajian mendapati, terdapat 10 nilai murni yang diamalkan, iaitu (1) bekerjasama; (2) keazaman; (3) tekun; (4) rajin; (5) bekerja keras; (6) fokus; (7) bermuafakat; (8) berdisiplin; (9) mementingkan warisan budaya dan adat resam; serta (10) berkongsi kesenangan dengan individu yang memerlukan. Selain itu, maklum balas responden juga menunjukkan, 10 nilai murni yang diamalkan oleh Etnik Cina seperti yang dinyatakan tersebut berada pada tahap tinggi (skala 4). Maklumat terperinci seperti di Jadual 17.

Jadual 17: Tahap pengamalan nilai murni oleh Etnik Cina

Pengamalan nilai-nilai murni di bawah oleh etnik Cina *Skala paling tinggi (5) sehingga skala yang paling rendah (1)	Keutamaan				
	Tinggi		Rendah		
bekerjasama	5 (20%)	4 (51.8%)	3 (21.2%)	2 (5.4%)	1 (1.6%)
keazaman	5 (23.8%)	4 (51.8%)	3 (20.2%)	2 (3.4%)	1 (0.8%)
tekun	5 (25.8%)	4 (50.2%)	3 (20.6%)	2 (2.4%)	1 (1%)
rajin	5 (28.2%)	4 (49.4%)	3 (18.2%)	2 (2.4%)	1 (1.2%)
bekerja keras	5 (28.8%)	4 (47.4%)	3 (20%)	2 (2.6%)	1 (1.2%)
fokus	5 (26.6%)	4 (51.2%)	3 (18.6%)	2 (2.6%)	1 (1%)
bermuafakat	5 (18%)	4 (40.4%)	3 (35.4%)	2 (4.4%)	1 (1.8%)
berdisiplin	5 (21%)	4 (44.4%)	3 (28.6%)	2 (4.2%)	1 (1.8%)

mementingkan warisan budaya dan adat resam	5 (24.8%)	4 (35.2%)	3 (30.8%)	2 (6.6%)	1 (2.6%)
berkongsi kesenangan dengan individu yang memerlukan	5 (13.2%)	4 (35.8%)	3 (36.4%)	2 (10.2%)	1 (4.4%)

Dari segi pengamalan nilai murni oleh Etnik India, hasil kajian mendapati, terdapat 8 nilai murni yang diamalkan, iaitu (1) semangat kekeluargaan yang tinggi; (2) semangat kejiranan yang tinggi; (3) semangat setia kawan yang utuh; (4) bersatu hati; (5) berani; (6) menghormati orang yang lebih tua dalam keluarga dan masyarakat; (7) memelihara penggunaan bahasa ibunda ; serta (8) mengamalkan budaya turun temurun. Selain itu, maklum balas responden juga menunjukkan, 8 nilai murni yang diamalkan oleh Etnik India seperti yang dinyatakan tersebut berada pada tahap tinggi (skala 4). Maklumat terperinci seperti di Jadual 18.

Jadual 18: Tahap pengamalan nilai murni oleh Etnik India

Pengamalan nilai-nilai murni di bawah oleh Etnik India *Skala paling tinggi (5) sehingga skala yang paling rendah (1)	Keutamaan				
	Tinggi		Rendah		
semangat kekeluargaan yang tinggi	5 (24.2%)	4 (51.4%)	3 (19.2%)	2 (4%)	1 (1.2%)
semangat kejiranan yang tinggi	5 (15.8%)	4 (47.6%)	3 (31%)	2 (3.8%)	1 (1.8%)
semangat setia kawan yang utuh	5 (19%)	4 (47.2%)	3 (26%)	2 (6.4%)	1 (1.4%)
bersatu hati	5 (14.6%)	4 (51%)	3 (28.8%)	2 (4.6%)	1 (1%)
berani	5 (19.6%)	4 (29.4%)	3 (2.8%)	2 (1.4%)	1 (46.8%)
menghormati orang yang lebih tua dalam keluarga dan masyarakat	5 (18.6%)	4 (47.2%)	3 (27.2%)	2 (5%)	1 (2%)
memelihara penggunaan bahasa ibunda	5 (29.4%)	4 (39.4%)	3 (26.4%)	2 (2.8%)	1 (2%)


mengamalkan budaya turun temuran	5 (27.2%)	4 (42%)	3 (25.4%)	2 (3.8%)	1 (1.6%)
----------------------------------	--------------	------------	--------------	-------------	-------------

Maklum Balas Responden Melalui Temu Bual Kumpulan Fokus Juga Mendapati, Tiga Etnik Utama

di Malaysia sememangnya mengamalkan nilai murni tertentu dalam kehidupan mereka. Responden menjelaskan, bagi etnik Melayu, nilai murni yang dititikberatkan dan menjadi satu kewajipan untuk diamalkan adalah nilai menghormati orang yang lebih tua, bersedekah, mengukir senyuman, memberi ucapan salam, semangat gotong royong serta pertuturan dan perlakuan yang beradab. Manakala, bagi etnik Cina pula, responden menjelaskan, di antara nilai murni yang diamalkan oleh etnik ini dan harus dijadikan contoh adalah nilai tekun, rajin, bekerja keras, berdisiplin dan fokus. Bagi etnik India pula, responden menjelaskan, di antara nilai murni yang paling banyak diamalkan oleh etnik ini adalah nilai semangat kejiran dan setia kawan yang tinggi dan utuh yang merupakan di antara nilai murni yang perlu dicontohi oleh semua etnik di Malaysia.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji mendapati terdapat empat Identiti Nasional Belia Malaysia yang perlu dibentuk dan dimantapkan dalam usaha melahirkan belia Malaysia yang memiliki mentaliti kelas pertama. Keempat identiti tersebut adalah (1) empati; (2) progresif (3); integriti; serta (4) ihsan. Empati adalah merujuk kepada daya menyelami dan memahami perasaan atau emosi orang lain manakala integriti pula adalah merujuk kepada mempunyai integriti yakni kejujuran serta ketulusan dalam mempertahankan diri daripada sebarang bentuk penyelewengan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Progresif pula bermaksud sentiasa bergerak maju atau bertujuan/berhaluan mencapai kemajuan. Ihsan pula merujuk kepada perbuatan yg baik, kemurahan hati dan melakukan kebaikan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Keempat-empat identiti nasional tersebut dapat dibentuk melalui penerapan dan pemerkasaan ke atas nilai-nilai murni tertentu kepada belia (Sila rujuk Rajah 1).

Rajah 1: 4 Identiti Nasional Belia Malaysia



Secara khususnya, bagi identiti nasional belia yang pertama iaitu empati, nilai murni yang dapat membentuk identiti tersebut adalah bertimbang rasa, bertoleransi dan bersyukur. Hasil kajian mendapati, nilai bersyukur merupakan nilai murni yang kurang diamalkan oleh belia dan perlu diterapkan dalam pada diri belia. Manakala, nilai murni bertimbang rasa dan bertoleransi merupakan nilai murni yang sedia ada pada belia dan perlu diperkuuhkan lagi agar nilai-nilai murni tersebut sentiasa diamalkan oleh belia di dalam kehidupan mereka. Bagi identiti nasional yang kedua iaitu progresif, nilai murni yang dapat membentuk identiti tersebut adalah beretika, bertanggungjawab, berdisiplin, tekun serta bersih fizikal. Hasil kajian mendapati, nilai bertanggungjawab dan bersih fizikal merupakan nilai murni yang sedia ada pada diri belia. Namun, nilai murni beretika, berdisiplin dan tekun merupakan nilai murni yang perlu diterapkan dalam diri belia kerana belia pada masa kini kurang mengamalkan nilai-nilai murni tersebut dalam kehidupan mereka.

Identiti nasional belia yang ketiga pula iaitu integriti, nilai murni yang dapat membentuk identiti tersebut adalah amanah, ikhlas dan benar. Hasil kajian mendapati, ketiga-tiga nilai murni tersebut masih kurang diamalkan oleh belia dan perlu diterapkan dalam diri belia Malaysia pada masa kini. Manakala, bagi identiti nasional belia yang keempat iaitu ihsan, nilai murni yang dapat membentuk identiti tersebut adalah bersatu padu, besederhana, budi bahasa, bersedekah, hormat, bersih rohani/jiwa, bekerjasama dan muafakat. Hasil kajian mendapati, nilai muafakat, bekerjasama, hormat, bersedekah serta budi bahasa merupakan nilai murni yang sedia ada pada diri belia Malaysia. Namun nilai murni bersatu padu, besederhana dan bersih rohani/jiwa masih kurang diamalkan oleh belia

pada masa kini.

Secara keseluruhannya, dalam membentuk Identiti Nasional Belia Malaysia ke arah 2050, penerapan dan pemerkasaan nilai murni ke atas diri belia adalah sangat penting untuk dilakukan. Hal ini kerana, pengamalan nilai murni dalam kehidupan oleh belia dapat menjadikan mereka generasi yang bukan sahaja mempunyai moral yang tinggi tetapi juga mempunyai identiti nasional yang unik dan tersendiri. Selain itu, penerapan dan pemerkasaan nilai murni dalam kalangan belia juga seharusnya mengambil kira beberapa elemen penting seperti faktor-faktor yang boleh mempengaruhi, pendekatan terbaik yang seharusnya digunakan, apakah medium komunikasi yang paling berkesan serta bentuk dan ciri mesej yang disukai dan dapat mempengaruhi belia mengamalkan nilai murni dalam kehidupan (sila rujuk Rajah 2).

Rajah 2: Penerapan dan pemerkasaan nilai murni dalam kalangan belia



RUJUKAN

Abdul Razak (2014, Jun 14). Ke mana hilangnya budi bahasa orang muda? Utusan Malaysia. Diambil daripada http://www1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140617/re_03/Ke-mana-hilangnya-budi-bahasa-orang-muda.

Aziz Ahmad. (2010, Ogos 10). Minda kelas pertama perlu azam kuat. Sinar harian. Diambil daripada <http://umt-ir.umt.edu.my/xmlui/bitstream/handle/123456789/555/minda%20kelas%20pertama%20perlu%20azam%20kuat.pdf?sequence=1&isAllowed=y>

Baharom Mohamad & Mohamad Johdi Salleh. (2009). Pembangunan modal insan sebagai satu pelaburan penting dalam konteks pembinaan negara. Prosiding Seminar Pembangunan Modal Insan 2009.

Berita Harian (2015, Mei 15). Dasar belia Malaysia baharu. Diambil daripada <http://www.bharian.com.my/node/55057>

Hariyati Ariffin. (2013, November 2). Generasi Y dan Budi Bahasa yang semakin terpinggir. Diambil dari <http://bicararakyat007.blogspot.com/2013/11/generasi-y-dan-budi-bahasa-yang-semakin.html>.

Jabatan Penerangan Malaysia. (2017). Diambil daripada <http://www.penerangan.gov.my/index.php/ms/>

Kameri Affandi. (2015). Belia asset negara. Utusan Sarawak. Diambil daripada <http://www.utusansarawakonline.com/news/30777/Belia-asset-negara/>

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). Maksud nilai murni dan berbudi bahasa. Diambil daripada <http://prpm.dbp.gov.my/Cari!&keyword=berbudi+pekerti&d=175768&>

Ku Seman (2013, Februari 10). Buktikan budi bahasa budaya kita. Utusan Malaysia. Diambil daripada http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130210/re_12/Buktikan-budi-bahasa-budaya-kita

Lee Lam Thye. (2016, Disember 29). Rancang strategi betul mencegah jenayah. Utusan Malaysia. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/rancang-strategi-betul-mencegah-jenayah-1.425502>

Lee Lam Thye. (2015, September 10). Terap nilai murni sebagai agenda negara. Utusan Malaysia. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/terap-nilai-8232-murni-sebagai-8232-agenda-negara-1.134020>

Mustafar Ali. (2016, April 22). 1,045 belia terlibat kegiatan rasuah sejak 2013. Diambil daripada http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0422&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_30.htm

Mohamad Abdullah (2016, Jun 9). Cabaran mempertahan nilai-nilai murni. Utusan Malaysia. Diambil daripada <http://m.utusan.com.my/rencana/cabaran-mempertahan-nilai-nilai-murni-1.340225>

- Mohd Najib. (2015). Teks ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia sempena sambutan Hari Belia Negara 2015. Diambil daripada file:///C:/Documents%20and%20Settings /user/My%20Documents/Downloads/ TEKS_UCAPAN_PM_%20(1).pdf
- Norazri Mohd Zaindin (2015). Penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi Mara. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tesis Master). Diambil dari http://eprints.uthm.edu.my/7073/1/NORAZRI_BIN_MOHD_ZAIDIN_24.pdf.
- Nur Nasliza Arina & Jamilah Ahmad. (2016). Etika Kerja Islam Dalam Profesjon Perhubungan Awam. Proseding International Conference of Communication Industry and Community, Bali 2016. ISBN 978-602-74139-1-7.
- Nur Nasliza Arina & Jamilah Ahmad. (2015). Memperkasa Amalan ‘Budi Bahasa Budaya Kita’ Dalam Kalangan Gen Y Melalui Penggunaan Media Sosial. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Komunikasi, USM.
- Ramli Din. (2016, Julai 15). Kadar jenayah belia di Melaka meningkat. Utusan Malaysia. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kadar-jenayah-belia-di-melaka-meningkat-1.353720>.
- Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 (RMK-9). (2006). Unit Perancang Ekonomi. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- The Economic Planning Unit. (2006). Ninth Malaysia plan 2006-2010. Diambil daripada http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM9_E.pdf
- Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi. (2006). Rancangan Malaysia kesembilan. Diambil daripada <http://ww1.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/html/bahasa.htm>
- Utusan Malaysia (2013, Mac 8). Sikap kelas tiga. Diambil daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20130308/ba_02/Sikap-kelas-tiga
- Zarin Ismail, Zaini Mahbar, Juriah Long & Khalid Abdullah. (2009). Pemerkasaan sekolah menengah untuk pembangunan modal insan kelas pertama: Antara realiti dan harapan. PROSIDING PERKEM IV, 2, 325-343.

Profil Penulis:

Jamilah Ahmad, PhD

Profesor

Pusat Pengajian Komunikasi

Universiti Sains Malaysia

jahmad@usm.my

Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir

Pusat Pengajian Komunikasi

Universiti Sains Malaysia

nasliza.usm@gmail.com